



KEMENTERIAN  
**WILAYAH**  
PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' DR. LOGA BALA MOHAN  
TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
KEMPEN KIBAR BENDERA  
WP KUALA LUMPUR**

**21 JANUARI 2018 (AHAD)**

---

**Bismillah hirrahman Nirahim.**

**Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis**  
**(*Senarai salutasi akan diselaraskan kemudian*)**

**Para wakil media,**

**YBhg. Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam 1 Malaysia.**

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini untuk turut bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sebagai tanda permulaan sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang bakal disambut pada 1 Februari nanti. Saya berasa bangga di atas kehadiran warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pada saya jelas menunjukkan komitmen tuan/puan untuk menyertai dan sudi meluangkan masa untuk bersama-sama pada hari ini.

## **KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

2. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan pada hari ini dijalankan secara serentak di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan. Kempen ini merupakan *kick-off* kepada semua program dan acara rasmi yang telah disusun dan bakal dilaksanakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018. Pada tahun ini adalah sambutan yang ke-14 kita meraikan Hari Wilayah Persekutuan ini bagi memperingati pengisytiharan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.
3. Bendera Wilayah Persekutuan telah mula digunakan secara rasmi pada 20 Ogos 2006 sebagai tanda penyatuan tiga buah negeri iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya membentuk Wilayah Persekutuan. Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa bendera Wilayah Persekutuan ini telah dicipta oleh pakar perunding dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).
4. Bendera yang dicipta ini mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Lambang Jata Negara di bahagian tengah mencerminkan Wilayah Persekutuan ini adalah di bawah naungan Kerajaan Persekutuan. Tiga bintang di bawah jata melambangkan penyatuan 3 negeri. Selain itu, penggunaan warna asas Jalur Gemilang pada bendera tersebut melambangkan Wilayah Persekutuan juga adalah milik seluruh rakyat Malaysia. Warna kuning diterjemahkan maksudnya sebagai melambangkan kedudukan yang dihormati, dimuliakan dan kedaulatan. Manakala warna biru pula membawa maksud perpaduan, keikhlasan, kestabilan, keharmonian dan kebenaran dan warna merah

membawa maksud semangat waja, kekuatan, keberanian dan bertenaga.

5. Orang kata tak kenal maka tak cinta. Dengan demikian, setelah bendera Wilayah Persekutuan mula diguna pakai, KWP telah mengambil langkah untuk memperkenalkan bendera tersebut berserta lagu Wilayah Persekutuan dengan membuat pengedaran bendera dan cd lagu Wilayah Persekutuan kepada semua jabatan Kerajaan, swasta dan juga di sekolah-sekolah di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Bendera ini jugalah yang dijulang dan dikibarkan di dalam semua majlis rasmi yang disertai dan diwakili oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Dengan adanya bendera Wilayah Persekutuan pada masa itu, telah meningkatkan lagi semangat seluruh warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
6. Setelah 12 tahun meneruskan semangat kecintaan pada Wilayah Persekutuan, pihak KWP pada setiap tahun menganjurkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan sebelum bermulanya sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan ini. Saya juga menyeru kepada semua pemilik premis sama ada bangunan kerajaan mahupun swasta serta kediaman persendirian juga untuk bersama-sama memasang dan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di premis masing-masing. Inisiatif ini bukan sahaja dapat meningkatkan semangat *patriotisme* di kalangan warga Wilayah Persekutuan malah turut dapat memeriahkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 dan mengindahkan seluruh kawasan khususnya di [Kuala Lumpur](#).

## **TEMA DAN OBJEKTIF SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. Suka untuk saya kongsikan mengenai Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 yang bakal diraikan dalam masa 2 minggu lagi. Tema yang diberikan pada sambutan kali ini masih mengekalkan tema '**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**'. Tema ini dilihat sangat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan juga kepada pihak Kementerian dan agensi dalam bersama-sama menjaga dan memelihara Wilayah Persekutuan agar sentiasa ceria sekaligus dapat meningkatkan kesejahteraan kehidupan warganya.
8. Lebih 35 program yang telah dirancang dan disusun sepanjang bulan Februari ini sempena Hari Wilayah Persekutuan. Kesemua program ini adalah khusus untuk warga Wilayah Persekutuan supaya hubungan rapat komuniti dapat dieratkan lagi dengan lebih dekat. Semua pengisian program yang dirancang juga mempunyai elemen "**keceriaan**" dan "**kesejahteraan**" kepada rakyat.
9. Oleh itu, saya berharap agar tema yang diteruskan ini akan terus merangsang seluruh warga Wilayah agar terus seiringan dengan Kementerian dan **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)** bagi memajukan serta memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta ini sebagai sebuah bandar yang lestari untuk dihuni sepanjang masa.

10. Saya juga harapkan seluruh warga Kuala Lumpur yang hadir pada hari ini yang 80 peratusnya adalah penjawat awam untuk teruskan semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan sentiasa menjaga dan memelihara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini. Bukan sahaja sebagai tempat kita mencari rezeki tetapi juga sebagai sebuah pusat pentadbiran kerajaan yang dipandang tinggi di seluruh dunia. Kita tidak pernah kering dari menerima kedatangan pelancong baik dari dalam negeri apatah lagi dari luar negara. Oleh itu, semua warga Kuala Lumpur adalah bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara Wilayah Persekutuan ini dengan sebaik mungkin.
11. Saya amat berharap agar warga Wilayah Persekutuan akan sentiasa menyokong dan memberi pandangan dalam setiap inisiatif yang Kerajaan laksanakan kerana semua ini adalah demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

## **PENGISIAN PROGRAM HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

12. Semua program di bawah Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 dilaksanakan secara *smart partnership* dan digabungkan dengan kerjasama organisasi korporat dan NGO dalam merealisasikan inisiatif penjimatan seperti yang dipraktikkan sebelum ini.

13. Seiring dengan aspirasi serta hasrat ini, penganjuran Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 memberi penekanan terhadap pelaksanaan program yang dapat menyatukan pelbagai lapisan umur dalam setiap program yang dilaksanakan.
14. Program-program ini juga disusun mengikut kluster seperti Sukan dan Rekreasi supaya dapat menitik beratkan pengamalan gaya hidup yang sihat dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, program di bawah kluster Ilmiah dan Kerohanian juga akan dilaksanakan untuk mengajak semua warga Wilayah Persekutuan tidak melupakan agama dalam kehidupan seharian kita. Semoga melalui penganjuran program seperti ini dapat membentuk dan mendidik moral sosial masyarakat ke arah yang lebih baik.
15. Pastinya program kluster mesra rakyat adalah program yang ditunggu-tunggu seperti program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan. Inilah platform terbaik yang dapat mengeratkan bukan sahaja perhubungan para pemimpin bersama rakyat malah penyatuan penduduk di kawasan sekitar berkumpul dan bersatu padu menjayakan program adalah yang diharapkan.
16. KWP dan Agensi tidak akan melupakan kepada golongan yang memerlukan dalam pengisian program Hari Wilayah Persekutuan ini. Oleh itu, Program Tanggungjawab Sosial Masyarakat (CSR) juga akan dilaksanakan bagi membantu meringankan beban rakyat yang berkeperluan.

17. Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Kementerian ini telah melancarkan penggunaan Kad Ceria kepada warga Wilayah Persekutuan di mana kad ini berfungsi untuk memberi diskaun secara terus untuk pelbagai barang keperluan harian. Bagi menjayakan program ini, Kementerian telah bekerjasama dengan hampir 9,000 rakan dagang seperti [Mydin](#), [KKMart](#), [Kenny Rogers](#), [Celcom](#), [Kedai Buku Borders](#), [Kedai Cermin Mata 100 Visions](#), dan banyak lagi yang menawarkan diskaun di antara 5 – 70 peratus kepada barang dan perkhidmatan. Pastinya diskaun kecil yang diperoleh ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan perbelanjaan harian untuk sesebuah keluarga.
18. Pada hari ini juga saya difahamkan seramai 5,000 warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyertai Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2018 dan juga program Car Free Morning 2018. Melalui program ini, rakyat dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat disamping dapat menyuntik semangat *patriotisme* dan kecintaan terhadap warga Wilayah Persekutuan.
19. Tahun ini merupakan tahun kelima penganjuran program Car Free Morning 2018 yang dapat menarik penyertaan daripada segenap lapisan umur dari kanak-kanak, remaja, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas. Program hujung minggu yang diadakan 2 kali sebulan ini akan diteruskan kerana kita menggalakkan rakyat untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan mengadakan aktiviti bersama keluarga.

20. Ambillah peluang ini untuk bersama-sama keluarga beriadah bersama agar dapat mengeratkan lagi kasih sayang dengan menyertai aktiviti yang berfaedah.

## **PENUTUP**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru sekali lagi agar bersama-sama mengibarkan **bendera Wilayah Persekutuan di semua kawasan yang bersesuaian untuk menambahkan lagi semangat kecintaan dan rasa kasih sayang kita kepada Wilayah Persekutuan.**
22. Sekalung tahniah dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur** yang telah bekerja keras serta memberikan komitmen yang tinggi dalam menganjurkan kempen kibar bendera Wilayah Persekutuan ini.
23. Semoga semua program yang telah disusun dan bakal dijayakan oleh KWP dan Agensi di sepanjang bulan Februari ini akan mendapat sambutan dan penyertaan dari warga Wilayah Persekutuan. Semua program SHWP 2018 ini adalah untuk anda semua.
24. **Akhir kata, dengan sukacita, saya dengan ini melancarkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2018.**

Sekian, terima kasih.